



**KERAJAAN MALAYSIA**

**Piawaian Perakaunan Islam  
bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)**

**PPIBZW**

Panduan Pelaksanaan – Hasil, Belanja dan Liabiliti  
Seksyen 24, Sumbangan daripada Pewakaf

November 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Disediakan dan diterbitkan oleh:  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000  
Web : <https://www.anm.gov.my>

## KANDUNGAN

---

### Muka Surat

<b>Seksyen 24 – Sumbangan daripada Pewakaf .....</b>	<b>1</b>
<b>Panduan Aplikasi .....</b>	<b>1</b>
Skop Seksyen .....	1
Takrif (Seksyen 24.4) .....	3
Mengetahui Pasti Sumbangan daripada Pewakaf (Seksyen 24.6 – 24.7) .....	3
Mengetahui Pasti Obligasi Kini (Seksyen 24.8 – 24.10) .....	5
<b>Contoh Sumbangan daripada Pewakaf .....</b>	<b>7</b>
Pengiktirafan Sumbangan daripada Pewakaf sebagai Wakaf Tunai.....	7
Pengiktirafan Sumbangan daripada Pewakaf sebagai Wakaf Bukan Tunai .....	10
Pengiktirafan Obligasi Kini Sebagai Liabiliti (Seksyen 24.20).....	10
Pendedahan.....	11

## Seksyen 24 – Sumbangan daripada Pewakaf

### Panduan Aplikasi

#### Skop Seksyen

- PA1. Sumbangan daripada pewakaf yang diterima oleh entiti dibahagikan kepada dua kategori iaitu tunai dan bukan tunai. Bagi sumbangan bukan tunai, aset yang diterima boleh berbentuk fizikal atau bukan fizikal. Bentuk fizikal merupakan suatu aset yang boleh dilihat dan dapat dipegang seperti tanah, bangunan dan kenderaan. Bagi bentuk bukan fizikal, ia merupakan aset yang tidak dapat disentuh seperti saham, sistem dan paten.
- PA2. Contoh berikut memberikan ilustrasi pengenalanpastian kategori bagi sumbangan daripada pewakaf.

#### Contoh 1 – Tunai

*Seorang individu mewakafkan wang sebanyak RM100,000 kepada entiti A bagi tujuan pembangunan masjid.*

Transaksi adalah dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf dalam bentuk tunai.

#### Contoh 2 – Bukan Tunai (Fizikal)

*Syarikat B mewakafkan sebuah bas kepada entiti A bagi penggunaan pengangkutan asnaf fakir ke sekolah.*

Transaksi adalah dikategorikan sebagai wakaf bukan tunai dalam bentuk fizikal.

#### Contoh 3 – Bukan Tunai (Bukan Fizikal)

*Seorang ahli perniagaan mewakafkan saham bernilai RM20,000 kepada entiti A untuk kebajikan ummah.*

Transaksi adalah dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf bukan tunai dalam bentuk bukan fizikal.

#### Contoh 4 – Bukan Tunai (Bukan Fizikal)

*Sebuah kumpulan nasyid telah menyerahkan hak cipta lagunya kepada entiti A sebagai wakaf. Entiti A menerima royalti hak cipta tersebut daripada Badan Perlindungan Hakcipta Karyawan Malaysia (MACP).*

Transaksi adalah dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf bukan tunai dalam bentuk bukan fizikal.

#### Contoh 5 – Bukan Tunai (Fizikal)

*Sebuah syarikat A telah menyerahkan mesin peralatan berspesifikasi tinggi yang mengandungi aplikasi kejuruteraan bioteknologi kepada sebuah hospital di bawah kelolaan entiti sebagai wakaf. Aplikasi tersebut hanya boleh beroperasi dengan mesin peralatan yang berspesifikasi tinggi tersebut.*

Transaksi adalah dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf bukan tunai dalam bentuk fizikal. Ini adalah kerana aplikasi tersebut tidak boleh diasingkan daripada mesin peralatan berspesifikasi tinggi tersebut dan dianggap sebagai satu item.

Contoh 6 – Bukan Tunai (Bukan Fizikal)

*Sebuah syarikat A telah menyerahkan aplikasi permainan komputer dan komputer berspesifikasi tinggi kepada entiti sebagai wakaf. Aplikasi permainan komputer boleh beroperasi dengan mana-mana komputer yang berspesifikasi tinggi.*

Transaksi yang melibatkan aplikasi permainan komputer dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf bukan tunai dalam bentuk bukan fizikal, manakala komputer berspesifikasi tinggi tersebut adalah dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf bukan tunai dalam bentuk fizikal. Ini adalah kerana aplikasi permainan komputer boleh diasingkan daripada komputer berspesifikasi tinggi tersebut dan dianggap sebagai dua item yang berbeza.

**Wakaf Tunai bagi Tujuan Perbelanjaan (Seksyen 24.3)**

- PA3. Wakaf tunai bagi tujuan perbelanjaan seperti penyenggaraan atau kebajikan tidak memenuhi takrif wakaf dalam PPIBZW – Pembentangan Penyata Kewangan kerana tiada bentuk fizikal ('ain) atau nilai aset dikekalkan. Sebaliknya, sifat wakaf tunai bagi tujuan perbelanjaan ini memenuhi kriteria hasil bukan pertukaran yang melibatkan aliran masuk dan mempunyai obligasi pelaksanaan (iaitu perbelanjaan layak) dan hendaklah mengguna pakai Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran.
- PA4. Pengolahan perakaunan yang mengguna pakai Seksyen 19, Hasil daripada Transaksi Bukan Pertukaran diakaunkan sebagai hasil bukan pertukaran dan belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan entiti setelah obligasi dilaksanakan. Tujuan pengolahan ini adalah untuk menunjukkan aktiviti kumpulan wang wakaf berkaitan hasil dan belanja yang dibuat menggunakan wakaf tunai tersebut.
- PA5. Contoh berikut memberikan ilustrasi cara suatu entiti menentukan sama ada transaksi adalah sumbangan daripada pewakaf.

Contoh 7 – Wakaf tunai untuk penyelenggaraan masjid

*Entiti A menerima sumbangan wakaf tunai daripada syarikat korporat untuk menyelenggara pendingin hawa di dalam masjid secara bulanan.*

Ini adalah bukan transaksi sumbangan daripada pewakaf tetapi hasil daripada transaksi bukan pertukaran.

Justifikasi:

Transaksi ini tidak memenuhi takrif wakaf iaitu pengekalan fizikal ('ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal. Dalam kes ini, entiti A mempunyai obligasi untuk melaksanakan amanah bagi menggunakan tunai yang diterima bagi penyelenggaraan pendingin hawa. Oleh itu, sumbangan tersebut merupakan hasil daripada transaksi bukan pertukaran dan kos penyelenggaraan diiktiraf sebagai belanja.

Contoh 8 – Wakaf tunai untuk memperluas ruang masjid

*Entiti B melancarkan dana untuk mengutip wakaf tunai daripada orang awam bagi memperluas ruang masjid. Tempoh kutipan adalah selama setahun.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf.

Justifikasi:

Transaksi ini memenuhi takrif wakaf iaitu pengekalan fizikal ('ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal. Dalam kes ini, entiti B mempunyai obligasi untuk melaksanakan amanah bagi menggunakan tunai yang diterima bagi memperluas ruang masjid. Oleh itu, sumbangan tersebut diiktiraf sebagai sumbangan daripada pewakaf.

**Takrif (Seksyen 24.4)**

- PA6. Takrif sumbangan daripada pewakaf adalah sebarang sumbangan oleh pewakaf kepada entiti sebagai pemegang amanah. Aset yang diterima daripada sumbangan pewakaf perlu memenuhi takrif wakaf iaitu sebarang harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut dengan matlamat mengekalkan fizikalnya ('ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal serta manfaatnya disalurkan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah.
- PA7. Dalam konteks Piawaian ini, sumbangan daripada pewakaf yang diterima oleh entiti sama ada tunai atau bukan tunai dikategorikan berdasarkan tujuannya iaitu wakaf khas bagi tujuan khusus dan wakaf am bagi tujuan umum.

**Mengenal Pasti Sumbangan daripada Pewakaf (Seksyen 24.6 – 24.7)**

- PA8. Contoh berikut memberikan ilustrasi pengenalanpastian sumbangan daripada pewakaf.

Contoh 9 – Dokumen Hujah Wakaf

*Seorang individu menyerahkan kepada entiti A sebidang tanah untuk dijadikan tapak sekolah tahfiz. Individu tersebut dikehendaki untuk menandatangani satu dokumen sebagai bukti penyerahan tanah sebagai harta wakaf.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf.

Justifikasi:

Dokumen yang ditandatangani sebagai bukti penyerahan tanah tersebut adalah merupakan dokumen hujah wakaf.

Contoh 10 – Dokumen Perletakhakan

*Entiti A mempunyai geran sebidang tanah yang diletakhakan sebagai tanah wakaf. Walau bagaimanapun, entiti A tidak mempunyai dokumen hujah wakaf sebagai bukti penyerahan tanah tersebut sebagai harta wakaf.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf.

Justifikasi:

Geran yang mempunyai perletakhakan merupakan bukti penyerahan tanah tersebut sebagai aset wakaf walaupun tiada hujah wakaf.

Contoh 11 – Dokumen lain

*Seorang jutawan yang meninggal dunia telah mewasiatkan sebidang tanah miliknya yang bernilai RM4 juta untuk dijadikan tanah wakaf dan diserahkan kepada entiti A. Seterusnya entiti A membuat perletakhakan berkanun terhadap tanah tersebut.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf.

Justifikasi:

Wasiat sebagai bukti penyerahan tanah tersebut kepada entiti A sebagai harta yang diwakafkan.

Contoh 12 – Dokumen lain

*Seorang individu mewasiatkan saham miliknya yang bernilai RM2 juta sebagai wakaf secara lisan kepada wakil entiti A. Setelah kematiannya, waris menuntut saham tersebut untuk dijual.*

Ini adalah bukan transaksi sumbangan daripada pewakaf.

Justifikasi:

Dalam konteks Piawaian ini, wasiat secara lisan tidak diterima sebagai bukti penyerahan harta wakaf.

Contoh 13 – Dokumen lain (Dokumen perundangan dengan entiti yang dikawal)

*Entiti A yang mempunyai kuasa mutlak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf telah menubuhkan entiti B sebagai pentadbir wakaf bagi pihak entiti A. Entiti B melancarkan produk wakaf tunai dan bukan tunai, menerima serta menguruskan wakaf tersebut.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf bagi entiti B.

Justifikasi:

Transaksi ini merupakan sumbangan daripada pewakaf bagi entiti B berdasarkan dokumen perundangan iaitu perintah penubuhan perbadanan wakaf. Entiti B akan merekodkan transaksi tersebut sebagai sumbangan daripada pewakaf manakala entiti A akan melaporkan transaksi ini melalui penyatuan/penggabungan penyata kewangan di peringkat kumpulan wang. Dalam konteks ini, entiti A masih mempunyai kuasa mutlak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf.

Contoh 14 – Dokumen lain (Dokumen perundangan dengan entiti yang dikawal)

*Entiti A yang mempunyai kuasa mutlak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf telah menubuhkan entiti B sebagai penerima sumbangan wakaf bagi pihak entiti A. Entiti B melancarkan produk wakaf tunai dan bukan tunai, menerima dan menyalurkan wakaf tersebut kepada entiti A.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf bagi entiti A.

Justifikasi:

Transaksi ini merupakan sumbangan daripada pewakaf bagi entiti A berdasarkan dokumen perjanjian mutawalli. Entiti A akan merekodkan transaksi tersebut sebagai sumbangan daripada pewakaf manakala entiti B hanya merekodkan hasil bagi caj perkhidmatan yang diterima daripada entiti A. Dalam konteks ini, entiti A masih mempunyai kuasa mutlak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf.

Contoh 15 – Dokumen lain (Perjanjian mutawalli dan seumpama dengannya dengan bukan entiti yang dikawal)

*Entiti A yang mempunyai kuasa mutlak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf telah melantik entiti B yang bukan merupakan entiti yang dikawal sebagai pengurus dan pentadbir wakaf tunai. Terma perjanjian menyatakan entiti B mempunyai kuasa penuh untuk mengurus dan mentadbir dana wakaf serta membayar entiti A sebanyak 10% daripada manfaat wakaf tersebut. Entiti B melancarkan produk wakaf tunai, dan menerima serta menguruskan wakaf tersebut.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf bagi entiti B untuk diurus dan ditadbir bagi pihak entiti A.

**Justifikasi:**

Transaksi ini merupakan sumbangan daripada pewakaf untuk ditadbir oleh entiti B berdasarkan terma dalam dokumen perjanjian mutawalli. Entiti B akan merekodkan transaksi tersebut dalam akaun yang berasingan daripada penyata kewangan entiti B sebagai sumbangan daripada pewakaf manakala entiti A hanya merekodkan hasil manfaat wakaf yang diterima daripada entiti B.

Contoh 16 – Dokumen lain (Perjanjian mutawalli dan seumpama dengannya dengan bukan entiti yang dikawal)

*Entiti A yang mempunyai kuasa mutlak sebagai pemegang amanah tunggal wakaf telah melantik entiti B yang bukan merupakan entiti yang dikawal sebagai ejen kutipan wakaf tunai. Terma perjanjian menyatakan entiti B mempunyai kuasa untuk mengutip dana wakaf bagi pihak entiti A dan menerima komisen berdasarkan jumlah kutipan.*

Ini adalah transaksi sumbangan daripada pewakaf bagi entiti A.

**Justifikasi:**

Transaksi ini merupakan sumbangan daripada pewakaf bagi entiti A. Entiti A akan merekodkan transaksi tersebut sebagai sumbangan daripada pewakaf manakala entiti B hanya merekodkan komisen yang diterima daripada entiti A kerana entiti B merupakan ejen kutipan sahaja.

### **Mengenal Pasti Obligasi Kini (Seksyen 24.8 – 24.10)**

- PA9. Obligasi kini dalam Seksyen 24, Sumbangan daripada Pewakaf adalah tanggungjawab untuk bertindak atau melaksanakan mengikut cara tertentu dan boleh menimbulkan liabiliti kepada entiti berkaitan dengan sumbangan yang diterima daripada pewakaf. Dalam transaksi sumbangan daripada pewakaf, entiti adalah pemegang amanah yang menerima suatu aset untuk tujuan tertentu.
- PA10. Contoh berikut memberikan ilustrasi bagaimana suatu entiti menentukan sama ada transaksi mempunyai obligasi kini atau tidak.

Contoh 17 – Terimaan tunai untuk tujuan membina bangunan

*Entiti C telah melancarkan dana kutipan wakaf tunai yang bertujuan untuk pembinaan sebuah sekolah. Sekolah tersebut akan digunakan untuk pembelajaran yang lebih kondusif bagi anak-anak asnaf yang terpilih. Walau bagaimanapun, entiti C tidak dapat membuat anggaran bagi kos membina sekolah tersebut dalam tempoh pelaporan.*

Transaksi ini mempunyai obligasi kini.



**Justifikasi:**

Transaksi ini memenuhi takrif obligasi kini kerana entiti C mempunyai obligasi untuk membina sebuah sekolah dengan menggunakan wakaf tunai yang diterima daripada pewakaf (tanggungjawab untuk bertindak atau melaksanakan mengikut cara tertentu dan seterusnya boleh menimbulkan liabiliti berkaitan dengan sumbangan daripada pewakaf). Dalam kes ini, wakaf tunai yang diterima akan ditukarkan kepada bentuk bangunan dan hanya boleh digunakan untuk pembinaan sekolah sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan selain yang dinyatakan. Oleh yang demikian, tanggungjawab untuk membina sekolah telah mewujudkan obligasi kini yang seterusnya menimbulkan liabiliti kepada entiti untuk melaksanakannya.

**Contoh 18 – Terimaan tanah untuk pembinaan pusat kemasyarakatan**

*Entiti D menerima sebidang tanah daripada seorang individu di Kampung Padang Changkat. Individu tersebut mensyaratkan tanah yang diwakafkan dijadikan sebagai pusat kemasyarakatan bagi aktiviti penduduk Islam di kampung tersebut dan kawasan persekitarannya. Entiti D menganggarkan kos membina pusat kemasyarakatan tersebut adalah sebanyak RM15 juta dalam tempoh pelaporan.*

Transaksi ini mempunyai obligasi kini.

**Justifikasi:**

Transaksi ini memenuhi takrif obligasi kini kerana entiti D mempunyai tanggungjawab untuk menjadikan tanah yang diwakafkan tersebut sebagai pusat kemasyarakatan bagi aktiviti penduduk Islam di kampung tersebut (tanggungjawab untuk bertindak atau melaksanakan mengikut cara tertentu dan seterusnya boleh menimbulkan liabiliti berkaitan dengan sumbangan daripada pewakaf). Dalam kes ini, tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk pembinaan pusat kemasyarakatan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan selain yang dinyatakan.

**Contoh 19 – Wakaf tunai am**

*Entiti E menerima wakaf tunai secara potongan gaji daripada penjawat awam di negeri E. Program ini bertujuan untuk membuka peluang kepada masyarakat umum untuk berwakaf dan menggalakkan aktiviti kebajikan.*

Transaksi ini tidak mempunyai obligasi kini.

**Justifikasi:**

Transaksi ini tidak memenuhi takrif obligasi kini iaitu tanggungjawab untuk bertindak atau melaksanakan mengikut cara tertentu dan seterusnya boleh menimbulkan liabiliti berkaitan dengan sumbangan daripada pewakaf. Dalam kes ini, tunai yang diterima tidak mempunyai sebarang syarat dan entiti E boleh menggunakan tunai tersebut untuk sebarang aktiviti wakaf atau kebajikan.

## Contoh Sumbangan daripada Pewakaf

### Pengiktirafan Sumbangan daripada Pewakaf sebagai Wakaf Tunai

#### Contoh 20 – Wakaf tunai yang ditukarkan kepada aset fizikal

- C1. Entiti F melancarkan dana wakaf tunai untuk membina dewan bagi sekolah-sekolah pondok di negeri tersebut. Pada 1 April 20X4, entiti F telah menerima sebanyak RM15 juta daripada pewakaf. Pada 15 Jun 20X4, entiti F menggunakan wakaf tunai tersebut sebanyak RM12 juta untuk membina dewan di lima buah sekolah pondok. Entiti F akan mengurangkan liabiliti dan mengiktiraf dana amanah dalam Penyata Kedudukan Kewangan dalam tempoh pelaporan selepas obligasi dilaksanakan.

Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

#### **1 April 20X4: Entiti F mengiktiraf aset dan liabiliti apabila menerima wakaf tunai**

Dt Tunai	RM15,000,000	
Kt Wakaf Tunai – Liabiliti		RM15,000,000

#### **15 Jun 20X4: Entiti F membina dewan di lima buah sekolah pondok**

Dt Aset	RM12,000,000	
Kt Tunai		RM12,000,000

#### **15 Jun 20X4: Entiti F mengurangkan liabiliti dan mengiktiraf dana amanah apabila selesai kerja membina dewan di lima buah sekolah pondok**

Dt Wakaf Tunai – Liabiliti	RM12,000,000	
Kt Dana Amanah		RM12,000,000

Dalam kes ini, terdapat baki wakaf tunai sebanyak RM3 juta dalam Wakaf Tunai (Liabiliti). Penggunaan baki wakaf tunai tersebut tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa entiti.

#### Contoh 21 – Wakaf tunai yang dikekalkan dan dikembangkan

- C2. Entiti G melancarkan satu program wakaf tunai Am. Wang tunai yang dikutip akan dilaburkan dan pulangan (manfaat dari pelaburan) akan digunakan bagi tujuan pendanaan aktiviti kebajikan berkaitan dengan kesihatan. Pada 1 Februari 20X4, Syarikat X menyumbang wakaf tunai sebanyak RM100,000 dan dilaburkan dalam simpanan tetap. Selepas enam bulan pertama, manfaat yang terhasil daripada simpanan tetap tunai tersebut adalah sebanyak RM1,000.

Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

#### **1 Februari 20X4: Penerimaan wakaf tunai Am**

Dt Tunai	RM100,000	
Kt Dana Amanah		RM100,000

**1 Februari 20X4: Pelaburan wakaf tunai dalam simpanan tetap**

Dt	Pelaburan Simpanan Tetap	RM100,000	
Kt	Tunai		RM100,000

**31 Ogos 20X4: \*Penerimaan manfaat wakaf – Menerima keuntungan daripada simpanan tetap**

Dt	Tunai	RM1,000	
Kt	Keuntungan Simpanan Tetap – Hasil daripada Transaksi Pertukaran		RM1,000

*\*Nota:*

*Peruntukan bagi sebarang obligasi yang dapat dianggarkan daripada manfaat wakaf yang diterima pada 31 Ogos 20X4 hendaklah diiktiraf selaras dengan Seksyen 18, Hasil daripada Transaksi Pertukaran.*

Contoh 22 – Wakaf tunai am digunakan untuk membeli atau membina bangunan berdasarkan keputusan jawatankuasa wakaf

*\*Contoh ini adalah untuk pengolahan perakaunan sahaja. Segala keputusan yang menentukan keabsahan aset wakaf perlu merujuk kepada pihak berkuasa entiti yang berkaitan.*

- C3. Entiti L melancarkan satu program wakaf tunai am. Jawatankuasa wakaf membuat keputusan untuk menggunakan wakaf tunai am yang telah dikutip untuk membeli bangunan di Shah Alam, Selangor. Bangunan tersebut akan disewakan untuk menjana hasil sewaan. Sehingga 15 Disember 20X4, wakaf tunai am yang dikutip adalah sebanyak RM10 juta. Pada 1 Februari 20X5, entiti L membeli bangunan berharga RM6 juta.

Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

**15 Disember 20X4: Penerimaan wakaf tunai Am**

Dt	Tunai	RM10,000,000	
Kt	Dana Amanah (Wakaf Tunai Am)		RM10,000,000

**1 Februari 20X5: Entiti membeli bangunan menggunakan wakaf tunai am**

Dt	Bangunan – Hartanah Pelaburan	RM6,000,000	
Kt	Tunai		RM6,000,000

**31 Disember 20X5: Penerimaan manfaat wakaf – Menerima hasil sewaan bangunan**

Dt	Tunai (RM10,000 x 10 bulan)	RM100,000	
Kt	Hasil daripada Transaksi Pertukaran – Sewaan		RM100,000

Entiti L mempunyai bangunan bernilai RM6 juta yang dikategorikan sebagai aset hartanah pelaburan di bawah kumpulan wang wakaf. Hartanah ini tidak dikategorikan sebagai aset wakaf. Walau bagaimanapun, sekiranya jawatankuasa wakaf membuat keputusan untuk mewakafkan hartanah tersebut melalui wakaf ir sod, hartanah tersebut boleh dikategorikan sebagai sumbangan daripada pewakaf.

Sekiranya jawatankuasa wakaf membuat keputusan untuk mewakafkan hartanah tersebut melalui wakaf irsod pada 31 Disember 20X5, pengolahan perakaunan adalah seperti berikut:

**1 Januari 20X6: Penerimaan wakaf irsod (hartanah pelaburan)**

Dt Dana Amanah (Wakaf Tunai Am)	RM6,000,000	
Kt Dana Amanah (Bangunan – Hartanah Pelaburan – Wakaf Irsod)		RM6,000,000

**1 Februari 20X6: Entiti mengelaskan semula fizikal ('ain) bangunan hartanah pelaburan**

Dt Bangunan – Hartanah Pelaburan (Aset Wakaf)	RM6,000,000	
Kt Bangunan – Hartanah Pelaburan (Kumpulan Wang Wakaf)		RM6,000,000

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X6 adalah seperti berikut:

Penyata Kedudukan Kewangan	Kumpulan Wang Wakaf	
	20X6 RM'000	20X5 RM'000
<b>ASET</b>		
<b>Aset Semasa</b>		
Tunai	4,000	4,000
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Hartanah Pelaburan		
Bangunan	-	6,000
Bangunan (Aset Wakaf)	6,000	-
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>10,000</b>	<b>10,000</b>
<b>LIABILITI</b>		
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>10,000</b>	<b>10,000</b>
<b>DANA AMANAH</b>		
<b>Dana Terhad</b>		
Wakaf Am		
Wakaf Tunai	4,000	10,000
Wakaf Irsod	6,000	-
Lebihan/(Kurangan) Berkumpul	-	-
<b>JUMLAH DANA AMANAH</b>	<b>10,000</b>	<b>10,000</b>

**Pengiktirafan Sumbangan daripada Pewakaf sebagai Wakaf Bukan Tunai**

- C4. Pada 1 Ogos 20X4, entiti H menerima sebidang tanah berstatus tanah pertanian untuk diwakafkan sebagai sebuah pusat pengajian Islam bernilai RM200,000. Pada masa kini, entiti H belum mempunyai dana mencukupi untuk membangunkan pusat pengajian Islam pada tanah tersebut. Sebelum membangunkan pusat pengajian Islam tersebut, entiti H perlu melaksanakan proses penukaran status tanah daripada tanah pertanian kepada tanah pembangunan dengan anggaran kos sebanyak RM20,000 menggunakan dana wakaf tunai am. Pada akhir tahun 20X5, entiti H telah melaksanakan proses tersebut.

Pengolahan perakaunan yang berkaitan adalah seperti berikut:

**1 Ogos 20X4: Penerimaan tanah**

Dt Tanah	RM200,000	
Kt Dana Amanah		RM200,000

**31 Disember 20X4: Peruntukan untuk penukaran status tanah**

Dt Belanja – Penukaran Status Tanah	RM20,000	
Kt Peruntukan		RM20,000

**Akhir tahun 20X5: Penukaran status tanah telah dilaksanakan**

Dt Peruntukan	RM20,000	
Kt Tunai – Wakaf Tunai Am		RM20,000

Entiti H hendaklah membuat pendedahan terhadap tanah yang masih mempunyai obligasi untuk dibangunkan sebagai pusat pengajian Islam.

**Pengiktirafan Obligasi Kini Sebagai Liabiliti (Seksyen 24.20)**

- C5. Obligasi bagi sumbangan daripada pewakaf didedahkan sebagai liabiliti luar jangka sekiranya anggaran boleh percaya tidak dapat dianggarkan kerana mengambil kira obligasi syariah. Maklumat ini boleh membantu entiti mengenal pasti bilangan obligasi yang masih belum dilaksanakan.

Contoh 23

Entiti D menerima sebidang tanah daripada seorang individu di Kampung Alor. Individu tersebut berhasrat mewakafkan tanah untuk dijadikan sebagai perkampungan Hijrah yang merangkumi pusat Islam, rumah perlindungan wanita dan rumah perlindungan haiwan terbiar. Walau bagaimanapun, anggaran kos bagi pembinaan perkampungan Hijrah masih belum dapat ditentukan.

**Analisis**

Transaksi ini mempunyai obligasi kini kerana pembangunan perkampungan Hijrah akan menyebabkan kebarangkalian aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan dalam melaksanakan hasrat pewakaf. Oleh yang demikian, situasi ini memenuhi Seksyen 24.20 (a). Walau bagaimanapun, dalam kes ini, anggaran boleh percaya tidak dapat ditentukan kerana anggaran kos pembinaan perkampungan tersebut masih belum dikenal pasti pada tarikh pelaporan.

## Kesimpulan

Transaksi ini memenuhi takrif obligasi kini, walau bagaimanapun, liabiliti tidak diiktiraf kerana tidak memenuhi kriteria pengiktirafan Seksyen 24.20 (b) iaitu anggaran boleh percaya dapat dibuat bagi amaun tersebut. Dalam keadaan ini, entiti hendaklah mengguna pakai pendedahan bagi Seksyen 25, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka dan membuat pendedahan.

## Pendedahan

### Contoh 24 – Pembentangan yang Dibuat dalam Penyata Kewangan

- C6. Bagi tahun berakhir 31 Disember 20X4, Entiti H menyediakan dan membentangkan penyata kewangan menurut PPIBZW. Entiti H hendaklah membuat pendedahan berikut dalam penyata kewangannya.

Penyata Kedudukan Kewangan	Kumpulan Wang Wakaf	
	20X4 RM'000	20X3 RM'000
<b>ASET</b>		
<b>Aset Semasa</b>		
Tunai	x	x
Pindahan Belum Terima	x	x
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Tanah (Wakaf)	x	x
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>
<b>LIABILITI</b>		
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Peruntukan Kos Pembersihan Tanah	(x)	(x)
Wakaf Tunai Khas	(x)	(x)
Istibdal	(x)	(x)
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>		
Pinjaman	(x)	(x)
Pembiayaan	(x)	(x)
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>(xx)</b>	<b>(xx)</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>xxx</b>	<b>xxx</b>
<b>DANA AMANAH</b>		
<b>Dana Terhad</b>		
Wakaf Khas	x	x
Wakaf Am	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul	x	x
<b>JUMLAH DANA AMANAH</b>	<b>xxx</b>	<b>xxx</b>

Contoh 25 – Pendedahan di Nota Kepada Akaun

C7. Contoh pendedahan yang boleh dibuat sama ada pada muka atau dalam Nota kepada Akaun, penyata kewangan untuk tujuan umum:

- i. Perubahan terhadap amaun bawaan bagi wakaf tunai dalam dana amanah (Seksyen 24.31 (c)) dan amaun penjejasan nilai pelaburan bagi wakaf tunai (Seksyen 24.31 (d));

**Dana Amanah – Wakaf Am (Tunai)**

Wakaf Tunai Terdiri daripada:	20X4 RM'000	20X3 RM'000
Baki Awal Tahun	110	100
(+)Terimaan wakaf tunai tahun semasa	70	50
(-) Penjejasan nilai	0	0
<b>Baki Akhir Tahun</b>	<b>180</b>	<b>150</b>

**Dana Amanah – Wakaf Khas (Tunai)**

Wakaf Tunai Terdiri daripada:	20X4 RM'000	20X3 RM'000
Baki Awal Tahun	110	100
(+)Terimaan wakaf tunai tahun semasa	70	50
(-) Penjejasan nilai	0	0
<b>Baki Akhir Tahun</b>	<b>180</b>	<b>150</b>

- ii. Aset yang masih tidak dapat dibangunkan seperti dalam hujah wakaf dalam tempoh pelaporan serta justifikasi (jika ada) (Seksyen 24.31 (e)); dan

**Contoh 1 –****Aset Wakaf Khas yang Belum Dilaksanakan**

Bil.	Jenis Aset	Amaun (RM)	Bilangan Pengusiaan Pegangan Aset pada 31 Disember 20X4			Justifikasi
			1 – 5 tahun	6 – 10 tahun	>10 tahun	
1.	Bangunan	1,600,000	2			- Kebanyakan bangunan perlu diubahsuai/diselenggara - Dana tidak mencukupi
2.	Tanah	165,000,000	1		1	- Tanah tidak sesuai dibangunkan berdasarkan hujah wakaf - Dana tidak mencukupi
<b>JUMLAH</b>		<b>166,600,000</b>				

**Aset Wakaf Am yang Belum Dilaksanakan**

Bil.	Jenis Aset	Amaun (RM)	Bilangan Pengusuaan Pegangan Aset pada 31 Disember 20X4			Justifikasi
			1 – 5 tahun	6 – 10 tahun	>10 tahun	
1.	Bangunan	1,600,000	2			- Kebanyakan bangunan perlu diubahsuai/diselenggara - Dana tidak mencukupi
2.	Tanah	165,000,000	1		1	- Tanah tidak sesuai dibangunkan berdasarkan hujah wakaf - Dana tidak mencukupi
<b>JUMLAH</b>		<b>166,600,000</b>				

iii. Maklumat bukan kewangan lain yang relevan (Seksyen 24.31 (f)).



C8. Entiti boleh membuat pendedahan berkaitan maklumat bukan kewangan lain yang relevan seperti petunjuk/peristiwa penjejasan nilai aset wakaf, caj perkhidmatan atau fi pengurusan wakaf dan perancangan entiti berkaitan pembangunan wakaf.

a) Contoh pendedahan bagi penjejasan nilai terhadap sumbangan daripada pewakaf adalah seperti berikut:

**Contoh 1 –**

**Aset Wakaf yang Mungkin Mengalami Penjejasan Nilai**

Bil.	Jenis Aset	Perihal Aset	Lokasi	Hujah Wakaf	Amaun Bawaan (RM)	Tarikh Diterima	Sifat Penjejasan Nilai Aset	Pengusiaan Aset pada 31 Disember 2024 (Tahun)
1	Bangunan	1 lot bangunan kedai 2 tingkat	Kota Setar, Alor Setar	Sewaan	1,000,000	16.08.2023	Banjir	1
2	Tanah	1 ekar	Kuah, Langkawi	Pembinaan masjid	50,000,000	26.04.2000	Hakisan tanah	24
3	Tanah	2 ekar	Taman Selasih, Kulim	Tanah perkuburan	3,000,000	07.07.2019	Tanah mendap	5
4	Bangunan	1 lot rumah teres setingkat	Gunung Jerai	Sewaan	600,000	06.09.2020	Tanah runtuh	4
<b>JUMLAH</b>					<b>54,600,000</b>			

**Contoh 2 –****Aset Wakaf yang Mungkin Mengalami Penjejasan Nilai**

Bil.	Jenis Aset	Amaun Bawaan (RM)	Bilangan Pengusiaan Pegangan Aset pada 31 Disember 2024			Petunjuk/Peristiwa
			1 – 5 tahun	6 – 10 tahun	>10 tahun	
1	Bangunan	1,600,000	2			- Bencana alam
2	Tanah	53,000,000	1		1	- Tanah mengalami hakisan dan mendapan dan tidak sesuai dibangunkan berdasarkan hasrat hujah wakaf.
<b>JUMLAH</b>		<b>166,600,000</b>				

b) Contoh pendedahan bagi caj perkhidmatan atau fi pengurusan wakaf adalah seperti berikut:

“Entiti mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 10% daripada nilai manfaat wakaf.”

c) Contoh pendedahan bagi perancangan entiti berkaitan pembangunan wakaf adalah seperti berikut:

“Entiti mempunyai rancangan lima tahun terhadap pembangunan aset wakaf bagi memastikan aset tersebut memberi manfaat kepada penerima manfaat.”